

1MDB perjas pelantikan pengerusi exco

Malaysiakini

10 Julai 2018

1MDB hari ini menjelaskan pelantikan Datuk Mohammad Faiz Azmi sebagai pengerusi bagi Jawatankuasa Eksekutif (Exco) yang baru dibentuk adalah sebahagian daripada skop dan perkhidmatan yang disediakan oleh PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn Bhd (PwC) kepada pihaknya.

Beliau mewakili PwC.

Dalam kenyataan, 1MDB berkata PwC sedang membantu lembaga pengarah dan Exco untuk memulihkan aset dan menguruskan hutang syarikat.

Pada 25 Jun, 1MDB berkata ia telah membentuk Exco untuk menguruskan syarikat, dengan Mohammad Faiz, Datin Rashidah Mohd Sies dan Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman sebagai anggota jawatankuasa itu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/433466>